

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
3	GOVT INTRODUCES VARIOUS INITIATIVES TO ADVANCE TVET	2 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
4	UTEM INKS MOU WITH THREE LEADING GERMAN TVET UNIVERSITIES	4 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
5	TVET HAS A MAJOR ROLE TO PLAY IN COUNTRY'S DEVELOPEMENT	5 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
6	GRADUATE'S EMPLOYABILITY RATE ROSE TO 72.3 PCT IN 2022	6 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
7	INTERESTING ACTIVITIES AWAIT VISITORS AT 2024 NATIONAL TVET DAY CELEBRATION ON JUNE 7-8	6 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
8	MALAYSIA SHOULD STRIVE TO MAKE TVET PRIMARY CHOICE FOR SECOND-ARY SCHOOL LEAVERS	7 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
9	LABUAN RECIVE RM162 MILLION FOR EDUCATION INSFRASTRUCTURE	7 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
10	ITP, UTECHTIUM FORGE COLLABORATION TO EMPOWER SKILLS, PROFES-SIONALISM	7 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
11	TVET CAN BE EMPOWERED WITH MORE ALLOCATION IF THERE IS NO ABUSE	8 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
12	RM200 MILLION TVET ALLOCATION SET FOR DISTRIBUTION NEXT MONTH	8 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
13	GOV'T URGES INDUSTRY PLAYERS TO SUPPORT EMPLOYEE EDUCATION	8 JUN 2024	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
14	STATE GOV'T TO ASSIST SPM ABSENTEES TVET STUDIES	9 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
15	MUSA PLAYED KEY ROLE IN DEVELOPMENT OF EDUCATION IN COUNTRY	9 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
16	MTUN ADVANCED TVET 2030 SET TO ELEVATE TECHNICAL EDUCATION IN MALAYSIA	11 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
17-21	PASTIKAN KERJAYA TVET BERTARAF MAHIR BUKAN HANYA TUKANG PAIP, MEKANIK	20 JUN 2024	BH ONLINE
22-24	KERAJAAN CADANG TUBUH INSTITUSI TVET E-SUKAN	21 JUN 2024	BH ONLINE
25-27	KERAJAAN 'BUTA WARNA' DALAM SEDIA PELUANG UNTUK IKUTI TVET	25 JUN 2024	BERNAMA ONLINE
28-31	PERLUAS PROGRAM SOKONGAN GALAK OKU SERTAI TVET	27 JUN 2024	BH ONLINE

BERNAMA

2 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | GOVT INTRODUCES VARIOUS INITIATIVES TO ADVANCE TVET

GOVT INTRODUCES VARIOUS INITIATIVES TO ADVANCE TVET – AHMAD ZAHID

🕒 02/06/2024 05:29 PM



BERNAMA

4 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | UTEM INKS MOU WITH THREE LEADING GERMAN TVET UNIVERSITIES

GENERAL > NEWS

UTEM INKS MOU WITH THREE LEADING GERMAN TVET UNIVERSITIES

🕒 04/06/2024 05:30 PM



BERNAMA

5 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | TVET HAS A MAJOR ROLE TO PLAY IN COUNTRY'S DEVELOPEMENT

TVET HAS A MAJOR ROLE TO PLAY IN COUNTRY'S DEVELOPMENT – ZAMBRY

🕒 05/06/2024 11:43 PM



ANGSUNG

RITA

6 : 37

MITI JELASKAN JATRONICS BUKAN SYARIKAT PENGELUAR SEMIKONDUKTOR DI MALAYSIA

melalui Aplikasi MyJPJ bermula Februari 2024.

BERNAMA

BERNAMA

6 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | GRADUATE'S EMPLOYABILITY RATE ROSE TO 72.3 PCT IN 2022

GRADUATES' EMPLOYABILITY RATE ROSE TO 72.3 PCT IN 2022 – KPKM

🕒 06/06/2024 09:59 PM



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

BERNAMA

6 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | INTERESTING ACTIVITIES AWAIT VISITORS AT 2024 NATIONAL TVET DAY CELEBRATION ON JUNE 7-8

INTERESTING ACTIVITIES AWAIT VISITORS AT 2024 NATIONAL TVET DAY CELEBRATION ON JUNE 7-8

🕒 06/06/2024 09:31 AM



National TVET Council (MTVET) Secretariat head Dr Mohd Faizal Tokeran

BERNAMA

7 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | MALAYSIA SHOULD STRIVE TO MAKE TVET PRIMARY CHOICE FOR SECONDARY SCHOOL LEAVERS

M'SIA SHOULD STRIVE TO MAKE TVET PRIMARY CHOICE FOR SECONDARY SCHOOL LEAVERS – AHMAD ZAHID

🕒 07/06/2024 07:08 PM



BERNAMA

7 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | LABUAN RECIVE RM162 MILLION FOR EDUCATION INFRASTRUCTURE

LABUAN RECEIVE RM162 MILLION FOR EDUCATION INFRASTRUCTURE

🕒 07/06/2024 05:36 PM



BERNAMA

7 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | ITP, UTECHTIUM FORGE COLLABORATION TO EMPOWER SKILLS, PROFESSIONALISM

ITP, UTECHTIUM FORGE COLLABORATION TO EMPOWER SKILLS, PROFESSIONALISM

🕒 07/06/2024 04:49 PM



BERNAMA

8 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | TVET CAN BE EMPOWERED WITH MORE ALLOCATION IF THERE IS NO ABUSE

TVET CAN BE EMPOWERED WITH MORE ALLOCATION IF THERE IS NO ABUSE - ANWAR

🕒 08/06/2024 04:25 PM



BERNAMA

8 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | RM200 MILLION TVET ALLOCATION SET FOR DISTRIBUTION NEXT MONTH

RM200 MILLION TVET ALLOCATION SET FOR DISTRIBUTION NEXT MONTH – AHMAD ZAHID

🕒 08/06/2024 04:55 PM



BERNAMA

8 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | GOV'T URGES INDUSTRY PLAYERS TO SUPPORT EMPLOYEE EDUCATION

GOV'T URGES INDUSTRY PLAYERS TO SUPPORT EMPLOYEE EDUCATION

🕒 08/06/2024 07:27 PM



BERNAMA

9 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | STATE GOV'T TO ASSIST SPM ABSENTEES TVET STUDIES

STATE GOV'T TO ASSIST SPM ABSENTEES IN TVET STUDIES – PERAK EXCO

🕒 09/06/2024 09:18 PM



BERNAMA

9 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | MUSA PLAYED KEY ROLE IN DEVELOPMENT OF EDUCATION IN COUNTRY

GENERAL > NEWS

MUSA PLAYED KEY ROLE IN DEVELOPMENT OF EDUCATION IN COUNTRY - UIAM RECTOR

🕒 09/06/2024 04:35 PM



BERNAMA

11 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | MTUN ADVANCED TVET 2030 SET TO ELEVATE TECHNICAL EDUCATION IN MALAYSIA

MTUN ADVANCED TVET 2030 SET TO ELEVATE TECHNICAL EDUCATION IN MALAYSIA – ZAMBRY

🕒 11/06/2024 08:21 PM



BERITA HARIAN

20 JUN 2024

BH RENCANA | PASTIKAN KERJAYA TVET BERTARAF MAHIR BUKAN HANYA TUKANG PAIP, MEKANIK

Pastikan kerjaya TVET bertaraf mahir, bukan hanya 'tukang paip', 'mekanik'

Oleh Dr Syed Alwee Alsagoff - Jun 20, 2024 @ 9:41am
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan. - Foto fail NSTP

Malaysia meletakkan sasaran dikuasakan tenaga kerja mahir kalis masa depan seperti dibuktikan dengan pelancaran Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Kebangsaan 2030 pada bulan ini.

Pelan hala tuju bercita-cita tinggi ini mengiktiraf TVET sebagai sektor penting untuk merapatkan jurang kemahiran dan melengkapkan rakyat supaya berkembang maju dalam pasaran global dinamik.

Tumpuan utama adalah menyelaraskan program dengan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) seperti robotik dan kecerdasan buatan (AI). Perkongsian industri lebih kukuh akan memastikan siswazah memiliki kemahiran paling relevan.

Dasar ini juga menangani cabaran pembiayaan untuk institusi dan menggalakkan nilai kerjaya TVET, sekali gus melaksanakan sistem kawalan kualiti bersatu.

Ia merungkai tanggapan lapuk bahawa TVET terhad kepada pekerjaan kolar biru seperti 'tukang paip atau mekanik kereta' sahaja. Program TVET bidang baharu mengintegrasikan apa yang sudah mantap dengan kepakaran termaju dalam robotik dan pengeluaran media.

Ibarat kata pepatah, adat dipakai baru, kain dipakai usang, penekanan ini selaras dengan visi ekonomi kerajaan mampan. Statistik daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mencerminkan dorongan kuat ke arah pembuatan termaju seperti digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

Sektor perkhidmatan juga mengalami dorongan dalam pelaburan dalam bidang maju seperti perkhidmatan digital dan teknologi hijau, sekali gus menyaksikan lonjakan pelaburan dengan peningkatan 7.2 peratus daripada 2022, mencecah jumlah RM168 bilion.

Sebelum ini Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaporkan kadar kebolehpasaran siswazah TVET melonjak daripada 65.5 peratus pada 2010 kepada 94.0 peratus (2023), mengatasi kadar untuk bukan siswazah TVET sejak 2012.

KPT juga menyerlahkan peningkatan trend keusahawanan dalam kalangan siswazah TVET, dengan 16.3 peratus melancarkan perniagaan mereka sendiri pada tahun lalu.

Namun, sebahagian pakar berhati-hati terhadap pandangan kebolehpasaran kerja terlalu optimistik, sebaliknya memberikan penekanan untuk pasaran kerja mampan kalis masa depan.

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia pula mendedahkan jurang kemahiran, iaitu lebih 70 peratus lepasan sekolah memilih profesion kolar putih, manakala majoriti (60 peratus) tenaga kerja, termasuk 46.8 peratus siswazah TVET menduduki jawatan separuh mahir.

Ini bermakna keupayaan sebenar sektor perkhidmatan menyumbang kepada peningkatan nilai pasaran buruh adalah terhad berikutan penguasaan kerja separuh mahir masih tinggi.

Ketidakpadanan ini boleh menghalang pertumbuhan sektor perkhidmatan, yang banyak bergantung kepada tenaga kerja mahir. Selain itu, kadar kekosongan dalam sektor perkhidmatan meningkat dua kali ganda sejak 2015 dan sektor elektrik dan elektronik menghadapi jurang kemahiran kritikal (kadar kekosongan melebihi 5 peratus tahun ini).

Justeru, sekiranya generasi muda Malaysia masih teragak-agak menyambut program TVET moden, potensi penuh aliran itu untuk meningkatkan tenaga kerja mungkin tidak dapat direalisasikan dan kemampanan jangka panjang pekerjaan mereka tidak dijamin.

Program TVET hari ini mungkin tidak selalu melengkapi pelajar dengan pengalaman industri khusus dan kemahiran bahasa diminta majikan masa depan.

Tambahan pula, stigma budaya menyelubungi buruh kasar, trend peningkatan pekerja gig terlalu berkecambah, pembiayaan perniagaan terhad untuk siswazah dan tarikan pekerjaan kolar biru bergaji tinggi di luar negara semuanya menambahkan lapisan kerumitan kebolehkeraan golongan itu.

Pengaruh media sosial terhadap etika kerja dalam kalangan anak muda menjadi satu lagi faktor memerlukan kajian lanjut.

Sistem TVET mantap tarik FDI

Namun, tidak dinafikan sistem TVET mantap boleh menarik pelaburan langsung asing (FDI). Sektor perkilangan contohnya menyaksikan lonjakan ketara dalam pelaburan mencecah RM152 bilion menjelang akhir 2023.

Ini menunjukkan sistem TVET kukuh bertindak sebagai magnet untuk FDI dengan memastikan saluran pekerja mahir.

Mengapakah hal begitu berlaku? Program TVET mempunyai unsur berkebolehsuaian. Tidak seperti universiti, program TVET boleh menyesuaikan diri dengan pantas untuk memenuhi keperluan industri semakin berkembang.

Penekanan terhadap kebolehsuaian ini melangkaui kurikulum. Rangka kerja seperti Rangka Kerja Kelayakan Malaysia (MQF) dan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (COPTPA) mewujudkan laluan lancar untuk siswazah mengejar kelayakan lebih tinggi.

Ini memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat ibarat tak keruh laut oleh ikan, tak runtuh gunung oleh kabut, memastikan siswazah dapat mengemas kini kemahiran mereka secara berterusan dan kekal berdaya saing dalam pasaran pekerjaan sentiasa berkembang.

Ketangkasan ini penting dalam sektor seperti elektrik dan elektronik, yang memerlukan anggaran 50,000 jurutera seperti ditegaskan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz awal tahun ini. Program TVET mempunyai potensi untuk merapatkan jurang kritikal itu.

Walaupun ada melihat kumpulan besar siswazah TVET berkelebihan sebagai faedah, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyatakan kebimbangan graduan mahir ini mungkin mendesak gaji lebih tinggi dan berpotensi menjadi pesaing masa depan mereka.

Keraguan ini boleh menyebabkan akibat tidak diingini kerana rakyat mahir boleh memilih untuk mencari pekerjaan di luar negara yang kelayakan mereka lebih dihargai.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) memberi laporan membimbangkan, iaitu 1.8 juta rakyat Malaysia kini bekerja di luar negara dengan lebih sejuta di Singapura sahaja.

Kadar 'ketirisan' ini, iaitu 5.5 peratus yang hampir dua kali ganda purata global mengancam untuk menjejaskan keupayaan negara bersaing di medan ekonomi baru.

Kejayaan Dasar TVET Kebangsaan bergantung pada pendekatan serampang dua mata, iaitu mewujudkan tenaga kerja mahir dan memupuk persekitaran menghargai profesional mahir ini.

Tenaga kerja TVET domestik terlatih adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi, menggalakkan sara diri, inovasi dan pasaran pekerjaan lebih saksama.

Kerjasama semua pihak berkepentingan adalah kunci membuka potensi ini dan memastikan Dasar TVET Kebangsaan 2030 menjadi pelan hala ke arah tenaga kerja masa hadapan untuk Malaysia.

Penulis adalah Felo Majlis Profesor Negara

BERITA HARIAN

21 JUN 2024

BH ONLINE | KERAJAAN CADANG TUBUH INSTITUSI TVET E-SUKAN

Kerajaan cadang tubuh institusi TVET e-Sukan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Jun 21, 2024 @ 3:53pm

bhnews@bh.com.my



PUTRAJAYA: Kerajaan berhasrat mewujudkan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan stadium khusus berkaitan sukan elektronik (e-Sukan), kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia mengambil kira potensi pembangunan sukan berkenaan.

"Sebuah institusi TVET di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) akan ditukar khusus untuk dijadikan sebagai TVET e- Sport bagi melatih generasi muda yang terbabit dengan e-sukan supaya mereka dapat dilatih menjadi pemain profesional.

"Kami berhajat untuk mewujudkan ikon e-Sukan di peringkat dunia dan potensinya cukup baik," katanya selepas mengadakan pertemuan khas bersama Peserta dan Penganjur Mid Season Cup MLBB 2024 - Moonton Games Malaysia di pejabatnya, hari ini.

Mengenai cadangan mewujudkan stadium e-Sukan, Ahmad Zahid berkata, beliau menyarankan KBS untuk menyediakan Nota Jemaah Menteri mengenai perkembangan dan pembangunan sukan terbabit.

"Namun kita tahu kekangan kewangan sekarang ini akan menjadi hambatan pembinaannya, namun saya fikir kita mesti memulakan sesuatu daripada sekarang untuk memberi galakan baik kepada mereka.

"Saya juga sudah menyarankan kepada Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh untuk penyediaan latihan khusus untuk e-Sukan ini," katanya.

Mengulas mengenai pertemuan itu, beliau menyatakan sokongan terhadap Moonton Games serta pasukan Selangor Red Giants, Homebois dan Gaimin Gladiators HomeGirls yang akan mewakili Malaysia ke Kejohanan Piala Dunia E-Sukan di Riyadh, Arab Saudi pada 28 Jun hingga 14 Julai ini.

"Oleh kerana e-Sukan adalah sesuatu yang menarik jutaan peminat bukan sahaja di negara kita tetapi di seluruh dunia, malah dalam Grand Finals MLBB Professional League (MPL) lalu, 'viewers' mencapai kira-kira 20 juta penonton dan penyertaan keseluruhan adalah melebihi 1.2 bilion.

"Ini menjadikan e-Sukan adalah sesuatu yang harus diberi dukungan oleh pihak kerajaan. Kerajaan tentunya harus mendukung hasrat anak muda supaya kita berada di peringkat dunia," katanya.

BERNAMA

25 JUN 2024

BERNAMA ONLINE | KERAJAAN 'BUTA WARNA' DALAM SEDIA PELUANG UNTUK IKUTI TVET

Kerajaan 'buta warna' dalam sedia peluang untuk rakyat ikuti TVET - Ahmad Zahid

Jun 25, 2024 @ 3:16pm



KUALA LUMPUR: Kerajaan mengambil pendirian 'buta warna' atau tidak pilih kasih dalam memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk mengikuti kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, ini terbukti apabila kerajaan membuka peluang kepada pelajar tanpa mengira kaum di negara ini untuk menjalani latihan berkaitan TVET di China.

"(Kerajaan) telah dapat sediakan 5,125 tempat untuk pelajar Malaysia dihantar ke China dengan biasiswa sepenuhnya. Kerajaan atau organisasi hanya perlu bayar tiket penerbangan sahaja.

"Dengan tawaran begitu, saya telah membuka peluang ini (termasuk) tempat untuk pelajar keturunan Cina, India, Sabah dan Sarawak yang kita beri peluang untuk mereka mendapat pendedahan daripada negara China," katanya pada sesi soal jawab lisan pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) yang ingin tahu mengenai kuota pertama ditawarkan kepada pelajar Malaysia dan China susulan penubuhan Malaysia-China Institute (MCI).

Pada 30 Mei lalu, Ahmad Zahid dilaporkan berkata 220 syarikat China menawarkan 5,125 kuota kepada pelajar Malaysia untuk menjalani latihan berkaitan TVET bagi jangka pendek, sederhana dan panjang, sekali gus menjadi '*game changer*' atau pengubah keadaan dalam melonjakkan industri TVET di Malaysia.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri berkata 98.5 peratus pelajar TVET di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berjaya memperoleh pekerjaan.

Bagaimanapun, beliau berkata ia tidak bermakna baki 1.5 peratus daripada pelajar itu tidak mendapat pekerjaan, sebaliknya mereka memilih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi iaitu diploma, ijazah dan juga sarjana.

"... kita harus lihat kursus yang ditawarkan itu mesti bersesuaian dengan permintaan kepada pasaran guna tenaga. Kita mahu kursus ditawarkan itu adalah kursus yang ditentukan keperluannya oleh penggiat industri agar mereka ini terus dapat bekerja di syarikat berkenaan.

"Apa yang kerajaan lakukan sekarang ini ialah, penggiat industri atau syarikat itu terus menandatangani MoA (Memorandum Perjanjian) dengan institusi TVET. Jadi pelajar yang bakal tamat dalam sesuatu kursus itu akan terus bekerja," katanya. – BERNAMA

BERITA HARIAN

27 JUN 2024

BH RENCANA | PERLUAS PROGRAM SOKONGAN GALAK OKU SERTA TVET

Perluas program sokongan galak OKU sertai TVET

Oleh Prof Madya Dr Rabeatul Husna Abdull Rahman - Jun 27, 2024 @ 11:01am
bhrencana@bh.com.my



- Foto hiasan. - Foto fail BERNAMA

Antara matlamat utama program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diperkasakan adalah untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan sepadan dengan keperluan industri bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi memperkasa bidang TVET, kerajaan melancarkan Dasar TVET Negara 2030 yang menjadi garis panduan dalam pengurusan pelaksanaan dan pelarasan program berkenaan.

Dasar baharu diperkenalkan ini antaranya ialah Strategi A4 iaitu untuk memperluas akses program TVET kepada golongan rentan dan pelaksanaan program TVET pada usia lebih awal. Ini memberi gambaran dasar ini turut mengambil kira golongan kurang upaya (OKU).

Dasar OKU dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022 jelas menggariskan OKU mempunyai hak dan peluang sama bagi menyertai pasaran kerja serta sistem pendidikan tanpa sebarang diskriminasi atas sebab ketidakupayaan.

Oleh itu, sistem pendidikan dan latihan inklusif diperlukan bagi memastikan golongan ini tidak disisihkan daripada mendapat peluang pendidikan dan pembangunan kemahiran.

Dalam konteks ini, TVET berpotensi menjadi laluan mampu menjadi ejen perubahan melahirkan modal

Namun syarat kemasukan ke program TVET tidak mesra OKU, isu prasarana dan batasan komunikasi adalah antara faktor mengekang penyertaan OKU dalam program TVET.

Berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 2023, hanya 45 daripada 21,322 graduan politeknik dan 140 daripada 7,471 graduan Kolej Komuniti adalah golongan OKU.

Institusi, kemudahan lebih mesra OKU

Bagi meningkatkan akses golongan OKU, kerajaan wajar mempertimbangkan untuk mengenalpasti institusi penyedia latihan TVET boleh dinaik taraf menjadi lebih mesra OKU.

Ini termasuk menyemak semula syarat kemasukan, menyediakan suasana pembelajaran dan latihan kondusif serta selamat, menyediakan kemudahan dan peralatan khas, menyemak kurikulum TVET supaya bersesuaian dengan keupayaan dan keperluan pelajar, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar khususnya serta menjalinkan kerjasama dengan majikan bagi meningkatkan kebolehpekerjaan graduan OKU.

Bagi sesetengah golongan OKU, program TVET berkemungkinan laluan terbaik boleh diceburi disebabkan potensi dapat diserlahkan melalui kurikulum TVET yang memberi penekanan kepada komponen praktikal dan kemahiran psikomotor berbanding komponen akademik.

Sebagai contoh, kajian terdahulu menunjukkan Murid Bermasalah Pembelajaran (MBP) lebih sesuai menggunakan kurikulum pendidikan vokasional berbanding kurikulum akademik kerana mereka mempunyai keupayaan fizikal boleh dilatih melalui pendidikan vokasional supaya dapat digunakan dalam pekerjaan tertentu.

Pemerolehan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kemahiran ini bukan sahaja meningkatkan peluang pekerjaan OKU malah mereka turut berpotensi menceburi bidang keusahawanan.

Cadangan untuk memperkenalkan laluan TVET lebih awal sangat dialu-alukan sebagai satu daripada intervensi terancang dan sistematik. Kurikulum TVET boleh didedahkan kepada pelajar pada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) supaya kemahiran generik dan vokasional dapat dibangunkan bagi mempersiapkan mereka ke alam pekerjaan.

Pendedahan awal terhadap bidang pekerjaan dan pembelajaran melalui pengalaman seperti latihan praktikal antara strategi boleh digunakan untuk meningkatkan keyakinan serta motivasi majikan dan pelajar OKU ke arah transisi kerjaya.

Sebagai contoh, Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) boleh diperluaskan kepada pelajar OKU khususnya daripada Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional.

Mengambil kira kategori OKU dan cabaran rencam bagi setiap kategori, kerajaan boleh menubuhkan jawatankuasa khas dianggotai wakil OKU bagi memastikan pelan tindakan Strategi A4 dalam Dasar TVET Negara 2030 dapat dibangunkan.

Hakikatnya, Dasar TVET Negara 2030 berpotensi melahirkan golongan OKU tersedia mempunyai kemahiran sepadan dengan keperluan industri bagi meningkatkan kebolehpekerjaan mereka, seterusnya memperluas kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan OKU.

Penulis adalah Pensyarah Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia